

PM mahu JPA cari, perkukuh kemahiran

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus berusaha mencari dan memperkukuhkan kemahiran baru bagi menempuh cabaran masa depan.

Dalam perutusannya sempena perayaan ulang tahun ke-55 JPA, beliau berkata Malaysia yang sedang membangun memerlukan perkhidmatan awam yang dapat menghayati tradisi memupuk nilai kesetiaan, dedikasi dan berwibawa.

Katanya, perkhidmatan yang cekap dan berkebolehan juga perlu ditingkatkan pada tahap yang lebih tinggi.

Perutusan Perdana Menteri itu terkandung dalam risalah JPA, yang akan diedarkan di majlis ulang tahun jabatan itu di Arkib Negara esok. Majlis itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pegawainya demi menjamin kebaikan dan kemajuan yang berterusan kepada rakyat dan negara.

"Ini boleh dilakukan menerusi perkhidmatan awam yang cemerlang. Pada masa ini, perkhidmatan awam ternyata menunjukkan kematangan dan keupayaan menerima serta melakukan perubahan dalam memenuhi keperluan masyarakat," katanya.

Cabaran

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusof Nor, berkata JPA berjaya menghadapi cabaran semasa melalui usaha pembaharuan perkhidmatan awam yang menekankan konsep kecemerlangan dan keberkesanan.

Katanya, kedua-dua konsep yang saling berkaitan itu digemblengkan menerusi pengurusan yang mahir dan berkeupayaan tinggi serta kerjasama kakitangan awam.

"Dengan itu, perkhidmatan awam kini muncul dengan megah bagi memertahankan imej dan kewibawaannya," katanya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed pula menegaskan bahawa perkhidmatan awam akan terus menjadi asas yang jitu bagi keamanan dan kemakmuran negara, kedaulatan kerajaan dan pemeliharaan norma kemasyarakatan.

Katanya, kekuatan dan kelemahan sebenar perkhidmatan awam akan teruji apabila masyarakat, yang menjadi pelanggan menerima atau menolak fungsi dan perkhidmatan JPA.

Menurutnya, perkhidmatan awam di negara ini wujud dalam persekitaran yang sangat kompleks, tetapi dikendalikan oleh tenaga manusia yang terpilih.

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Alwi Jantan dalam perutusannya pula mengakui perkhidmatan JPA bukan satu tugas mudah, bahkan memerlukan falsafah dan strategi yang tersendiri.

Beliau menjelaskan ini adalah kali pertama JPA merayakan ulang tahunnya sejak ia ditubuhkan pada 22 Ogos 1934.